

**PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH TUARAN**

**NORZALIZAN BIN BAHARI
PS 03 006 (K) 132**



UMS
PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2006**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

23 Disember 2005



NORZALIZAN BIN BAHARI

PS-03 006(K) 132



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat yang dikurniakan yang memberi kekuatan kepada saya untuk menyiapkan kajian disertasi ini.

Selain itu, ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang menolong saya menyempurnakan kajian ini terutama kepada Dr. Naimah Yusoff selaku penyelia yang tidak jemu memberi bimbingan dan Prof. Salleh Abd. Rashid yang menolong memberi teguran dan bimbingan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi kebenaran untuk saya menjalankan kajian ini, Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran dan pengetua-petua sekolah yang terlibat.

Tidak lupa ucapan penghargaan ditujukan khas kepada keluarga tersayang kerana memahami dan sanggup berkorban demi memastikan saya dapat menyempurnakan kajian ini khususnya kepada isteri tersayang Siti Fatimah Baharum, anak-anak yang dikasihi Muhammad Luqman Hakim, Siti Nur Izzati dan Siti Nur Amira.

Akhir sekali saya memohon agar Allah SWT akan memberi ganjaran yang swajarnya ke atas anda semua.

ABSTRAK

PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH TUARAN

Kajian yang berbentuk kuantitatif ini dijalankan untuk mengenal pasti pengurusan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di daerah Tuaran. Aspek berkaitan pengurusan yang dikaji adalah kaedah-kaedah pengajaran dan persekitaran bilik darjah. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Pemilihan sampel melibatkan lima buah sekolah menengah di daerah Tuaran. Seramai 287 orang pelajar iaitu 123 orang pelajar lelaki dan 164 orang pelajar perempuan dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS *version 10.0*. Statistik deskriptif *crostabs* digunakan bagi mendapatkan skor pencapaian dalam peperiksaan PMR mengikut jantina. Manakala ujian deskriptif frekuensi dan peratusan dijalankan bagi mendapatkan skor yang paling dominan tentang kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru menurut persepsi pelajar. Ujian korelasi Pearson dijalankan bagi melihat hubungan antara kaedah pengajaran yang paling dominan dengan motivasi termasuk jenis-jenis motivasi dan juga bagi melihat hubungan antara aspek persekitaran bilik darjah dengan motivasi. Dapatan menunjukkan tahap pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam secara keseluruhan di daerah Tuaran berada pada tahap yang baik bagi pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat tiga kaedah pengajaran yang dominan diamalkan oleh guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah daerah Tuaran mengikut persepsi pelajar iaitu kaedah syarahan, simulasi dan amali. Hubungan antara kaedah-kaedah pengajaran dengan motivasi pelajar hanya signifikan untuk kaedah simulasi dan syarahan. Motivasi yang berasaskan keperluan berada pada tahap yang tinggi. Ini diikuti pula oleh motivasi yang berasaskan emosi (pada tahap sederhana) dan motivasi yang berasaskan motif berada pada tahap lemah. Pada aspek yang kedua, iaitu hubungan antara persekitaran bilik darjah dengan motivasi hanya signifikan untuk sebuah sekolah sahaja (sekolah D).

ABSTRACT

THE TEACHING AND LEARNING MANAGEMENT OF ISLAMIC EDUCATION SUBJECT IN SECONDARY SCHOOLS IN TUARAN DISTRICT.

This quantitative research was conducted to identify the management of teaching and learning of Islamic Education subject in Tuaran District. The aspects of management studied were the methods of teaching and learning and also classroom environment. This research used questionnaire instrument. The selection of samples involved five secondary schools in Tuaran District. A total of 287 students were involved, there were 123 boys and 164 girls who were selected randomly. The data gathered was analyzed by using SPSS version 10.0 software. Crostabs Descriptive Statistics was used to obtain the achievement score in PMR according to gender. On the other hand, frequency descriptive test was conducted to identify the dominant techniques of teaching practised by teachers according to students' perception. Pearson Correlation test was also conducted to examine the relation between the dominant teaching techniques and students' motivation, including types of motivation as well as the relation between classroom environment and students' motivation. The result showed that the level of achievement for this subject, as a whole was good for both gender. The result also showed that there were three dominant techniques implemented widely by Islamic Education teachers in Tuaran District based on the students' perception. There were lectures, stimulations and practical. The relation between teaching and learning techniques and students motivation was found to be significant for lectures and stimulations. The motivation based on needs was at the highest level. This was followed by motivation based on emotion (at the intermediate level) and lastly motivation based on motive at the lowest level. The second aspect, that is the relation between classroom environment and students' motivation was only slightly significant for one school (school D).

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Isi Kandungan	v
Lampiran	viii
Singkatan	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Jadual	xi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	5
1.4	Tujuan Kajian	8
1.4.1	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Definasi Operasional	
1.7.1	Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran	10
1.7.2	Kaedah Pengajaran	11
1.7.3	Motivasi	11
1.7.4	Persekitaran	11
1.7.5	Pendidikan Islam	12
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Rumusan	14

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Konsep dan Teori Pengurusan	
2.2.1	Konsep Pengurusan	15
2.2.2	Teori Pengurusan P.O.L.C	18
2.3	Konsep dan Teori Pengajaran dan Pembelajaran	
2.3.1	Konsep Pengajaran dan Pembelajaran	21
2.3.2	Teori Pengajaran dan Pembelajaran	23
2.4	Modul-Modul Pembelajaran	35
2.4.1	Model Pembelajaran Masteri	36
2.4.2	Model Pembelajaran Pelbagai Kecerdasan	37

2.4.3	Model Pembelajaran Konstruktivisme	38
2.5	Kaedah-Kaedah Pengajaran	39
2.5.1	Syarahan	40
2.5.2	Soal Jawab	41
2.5.3	Perbincangan	41
2.5.4	Simulasi	41
2.5.5	Amali	42
2.5.6	Demonstrasi	42
2.5.7	Hafalan	43
2.5.8	Perdebatan	43
2.5.9	Lawatan	43
2.6	Konsep Dan Teori Motivasi	44
2.6.1	Konsep Motivasi	44
2.6.2	Jenis-jenis Motivasi	45
2.6.3	Peranan Motivasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	50
2.6.4	Kepentingan Motivasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	51
2.6.5	Teknik Mewujudkan Motivasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	52
2.6.6	Teori-teori Motivasi	54
2.7	Konsep dan Teori Persekitaran Bilik Darjah	55
2.7.1	Konsep Persekitaran Bilik Darjah	55
2.7.2	Diri-Ciri Bilik Darjah Yang Baik	57
2.7.3	Susunan Bilik Darjah	57
2.7.4	Fungsi Bilik Darjah	60
2.7.5	Teori Persekitaran Bilik Darjah	61
2.8	Pengaplikasian Teori Pengurusan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	65
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	66
2.10	Rumusan	67

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	68
3.2	Reka Bentuk Kajian	68
3.3	Populasi dan Sampel	69
3.4	Lokasi Kajian	70
3.5	Instrumen Kajian	70
3.5.1	Soal Selidik	71
3.5.2	Keputusan Peperiksaan PMR	73
3.6	Pentadbiran Soal Selidik	74
3.7	Kajian Rintis	75
3.8	Kaedah Menganalisis Kajian	76
3.9	Rumusan	77

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	78
4.2	Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan PMR	78
4.3	Kaedah Pengajaran Yang Paling Dominan Diamalkan Oleh Guru Mengikut Persepsi Pelajar.	80
4.4	Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Dominan Dengan Motivasi Pelajar	83
4.4.1	Sekolah A	83
4.4.2	Sekolah B	84
4.4.3	Sekolah C	85
4.4.4	Sekolah D	86
4.4.5	Sekolah E	87
4.5	Hubungan Antara Persekitaran Bilik Darjah Dengan Motivasi Pelajar	88
4.5.1	Sekolah A	89
4.5.2	Sekolah B	90
4.5.3	Sekolah C	90
4.5.4	Sekolah D	91
4.5.5	Sekolah E	92
4.6	Rumusan	92

Bab 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	93
5.2	Perbincangan	
5.2.1	Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan PMR	93
5.2.2	Kaedah Pengajaran Yang Paling Dominan Diamalkan Oleh Guru Mengikut Perspektif Pelajar.	94
5.2.3	Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Dominan Dengan Motivasi Pelajar	95
5.2.4	Hubungan Antara Persekitaran Bilik Darjah Dengan Motivasi Pelajar	96
5.3	Rumusan	
5.3.1	Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan PMR	97
5.3.2	Kaedah Pengajaran Yang Paling Dominan Diamalkan Oleh Guru Mengikut Perspektif Pelajar.	98
5.3.3	Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Dominan Dengan Motivasi Pelajar	99
5.3.4	Hubungan Antara Persekitaran Bilik Darjah Dengan Motivasi	100
5.4	Cadangan	
5.4.1	Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan PMR	100
5.4.2	Kaedah Pengajaran Yang Paling Dominan Diamalkan Oleh Guru Mengikut Perspektif Pelajar.	101
5.4.3	Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Dominan Dengan Motivasi Pelajar	103
5.4.4	Hubungan Antara Persekitaran Bilik Darjah Dengan Motivasi	104
5.5	Rumusan	105

LAMPIRAN

Lampiran A	:	Jadual Krejcie, R.V. & Morgan, R.W. dalam Cochran W.G.
Lampiran B	:	Surat Kebenaran Mendapatkan Keputusan Peperiksaan PMR
Lampiran C	:	Surat Kebenaran Melakukan Kajian.
Lampiran D	:	Surat Akuan Sebagai Pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan
Lampiran E	:	Surat memohon kebenaran menjalankan kaji selidik di sekolah-sekolah terlibat.
Lampiran F	:	Surat kebenaran menggunakan sampel
Lampiran G	:	Salinan Soal Selidik



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

P&P	:	Pengajaran Dan Pembelajaran
MPM	:	Majlis Peperiksaan Malaysia
PPK	:	Pusat Perkembangan Kurikulum
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
BBM	:	Bahan Bantu Mengajar
PIBG	:	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
POLC	:	<i>Planning, Organizing, Leading, Control</i>
OHP	:	<i>Overhead Projector</i>
PPD	:	Pejabat Pelajaran Daerah
SPSS	:	<i>Statistical Package for Social Science</i>
R	:	Pekali Pearson
Sig.	:	Signifikan
S.p.	:	Sisihan Piawai



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	: Proses Pengurusan POLC dan Elemen-Elemen asas.	20
2.2	: Teori Pelaziman Operan	26
2.3	: Model Pengajaran Robert Glaser	31
2.4	: Model Pengajaran Sim	32
2.5	: Model Pengajaran Taba	33
2.6	: Model <i>Ekspositori</i>	34
2.7	: Model Perbincangan	35
2.8	: Jenis-Jenis Motivasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.	45
2.9	: Herarki Keperluan Maslow	48
2.10	: Aspek-Aspek Pengurusan Bilik Darjah	62
2.11	: Kerangka Konseptual Kajian	67



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	: Agihan Sampel Mengikut Sekolah	70
3.2	: Petunjuk Skala Pencapaian Pelajar	71
3.3	: Petunjuk Skala Kajian	72
3.4	: Keputusan Peperiksaan PMR Pendidikan Islam Sekolah Terlibat	73
3.5	: Petunjuk Tahap Pencapaian Dalam PMR	74
3.6	: Petunjuk Cronbach Alpha	75
3.7	: Petunjuk Kekuatan Korelasi	77
4.1	: Klasifikasi Peringkat Pencapaian PMR	78
4.2	: Pencapaian Pelajar Secara Keseluruhan Mengikut Jantina	79
4.3	: Min Kaedah-Kaedah Pengajaran Guru Secara Keseluruhan	80
4.4	: Kaedah-Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah A	81
4.5	: Kaedah-Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah B	81
4.6	: Kaedah-Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah C	82
4.7	: Kaedah-Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah D	82
4.8	: Kaedah-Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah E	83
4.9	: Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Dominan Di Sekolah A Dengan Motivasi	84
4.10	: Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Dominan Di Sekolah B Dengan Motivasi	85
4.11	: Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Dominan Di Sekolah C Dengan Motivasi	86
4.12	: Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Dominan Di Sekolah D Dengan Motivasi	87
4.13	: Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Dominan Di Sekolah E Dengan Motivasi	88
4.14	: Hubungan Persekitaran Bilik Darjah Dengan Motivasi Secara Keseluruhan	89
4.15	: Hubungan Persekitaran Bilik Darjah sekolah A Dengan Motivasi	89
4.16	: Hubungan Persekitaran Bilik Darjah sekolah B Dengan Motivasi	90
4.17	: Hubungan Persekitaran Bilik Darjah sekolah C Dengan Motivasi	91
4.18	: Hubungan Persekitaran Bilik Darjah sekolah D Dengan Motivasi	91
4.19	: Hubungan Persekitaran Bilik Darjah sekolah E Dengan Motivasi	92

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bidang pendidikan, guru bertanggungjawab mengajar, mendidik dan membimbing pelajar, manakala pelajar sama ada lelaki atau perempuan pula menerima ilmu yang disampaikan oleh guru atau mencari ilmu sendiri dengan bimbingan guru. Sehubungan dengan itu, kedua-dua pihak harus mengurus proses pengajaran dan pembelajaran ini dengan berkesan melalui strategi dan kaedah yang tertentu (Manja, 1990).

Dalam konteks Pendidikan Islam, kekuatan dan keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam bergantung kepada aspek kandungan pelajaran, pendekatan, kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kekuatan kesan bahan-bahan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Guru-guru Pendidikan Islam dikehendaki menguasai kaedah penyampaian yang berkesan bagi memastikan matlamat pembinaan suatu tamadun dan peradaban dapat dicapai. Guru akan bertindak sebagai pemudah cara dan menggunakan kreativiti dan kebolehan dirinya serta menggabungkan dengan kepelbagaian alat bantu mengajar bagi menghasilkan kaedah penyampaian yang menarik dan berkesan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Selain itu, guru-guru juga perlu menyusun beberapa kaedah pembelajaran yang sistematik serta mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran ajaran dan pembelajaran

agar pelajar dapat mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang dirancang oleh guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Satu lagi faktor yang mempunyai kaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran adalah faktor motivasi. Guru-guru hendaklah perihatin dan mengambil kira keperluan diri pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran agar pelajar dapat belajar dengan selesa. Guru juga perlu mempunyai kemahiran untuk menyuntik motivasi ke dalam diri pelajar, agar mereka sedar dan bersemangat untuk belajar bersungguh-sungguh. Motivasi yang diterapkan di dalam bilik darjah mampu meningkatkan minat pelajar dan mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Motivasi juga berperanan menggerak, mendorong dan mengarah sesuatu tingkahlaku supaya menjadi bertenaga dan bertujuan (Zaidatul Akmaliah, 1998).

Manakala bilik darjah pula merupakan tempat berlangsungnya aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran bilik darjah atau iklim darjah boleh mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di dalamnya. Menurut Ishak (2004), bilik darjah hendaklah dilengkapi dengan kemudahan atau kelengkapan untuk kemajuan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Abdul Rahim (2001a), suasana persekitaran bilik darjah yang tersusun dan ceria dapat menggalakkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pengendalian pelajar-pelajar dan peralatan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini akan menyatakan beberapa hasil dapatan kajian dan beberapa pendapat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dengan perempuan iaitu dari segi kognitifnya. Menurut Mebare dan Johnsan (1976 dalam Alias Baba dan Chong Mooi Lian 1992), pelajar lelaki mempunyai stail kognitif yang lebih '*field independent*' sedangkan pelajar perempuan lebih '*field dependent*'. Stail '*field independent*' lebih cenderung kepada sesuatu yang bersifat saintifik seperti sains dan matematik. Manakala stail '*field dependent*' lebih cenderung kepada hubungan sosial seperti sosiologi, sastera dan sebagainya.

Menurut laporan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) 1992 pula, antara faktor yang mempengaruhi pencapaian prestasi pelajar ialah kaedah pengajaran yang dipraktikkan oleh guru di dalam bilik darjah. Kajian-kajian sebelum itu juga mendapati antara sebab mengapa pelajar tidak berminat mengikuti pelajaran di dalam bilik darjah adalah kerana corak atau pola pengajaran guru yang membosankan mereka. Kajian yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1985 mendapati, bahawa 95% guru di Malaysia masih mengamalkan kaedah pengajaran secara kuliah. Alasan yang diberi adalah tidak mempunyai masa yang cukup (Anuar, 1998). Selain itu, guru-guru juga hendaklah sentiasa mengambil kira aras kemampuan pelajar bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Shahril dan Habib (1999) berpendapat, guru-guru perlu memperbaiki dan meningkatkan strategi, kaedah dan teknik pengajaran serta menggunakan alat bantu mengajar agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar dan mencapai matlamat selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Peperiksaan

menurut mereka pula, merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam proses pelaksanaan sesuatu kurikulum. Pada asasnya ia bertujuan untuk menilai pencapaian objektif kurikulum yang disediakan terutama terhadap para pelajar sebagai hasil (*output*) daripada kurikulum yang telah mereka lalui.

Selain itu, guru-guru juga diseru agar sentiasa memupuk minat pelajar dengan memberi motivasi agar pelajar dapat melibatkan diri secara aktif di dalam bilik darjah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Menurut Iverson (2003), motivasi dan minat pelajar untuk belajar boleh ditingkatkan dan dapat mengurangkan masalah disiplin iaitu dengan cara menyelia perhubungan, tingkahlaku dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang baik di dalam bilik darjah.

Abdul Aziz Jamin *et. al*, (2004), dalam kajiannya menyatakan bahawa perubahan sikap pelajar amat penting bagi mencetuskan minat belajar dan mengejar kecemerlangan akademik serta sahsiah dalam kalangan pelajar. Strategi-strategi yang memenuhi keperluan pelajar dan dilaksanakan untuk membina sikap pelajar yang positif antaranya menjalankan kursus motivasi kepada semua pelajar. Menurut Mok Soon Sang (2003a) pula, keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah bergantung kepada setakat mana keperluan-keperluan pelajar terutama fisiologi, psikologi, emosi dan motif dapat dipenuhi.

Ishak dan Nor Asikin (2004), dalam kajiannya berkaitan sistem pengurusan berkualiti ISO 9001 menjelaskan bahawa proses yang perlu diutamakan di sekolah adalah proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan di seluruh sekolah amnya. Menurut Manja (1990) pula, faktor persekitaran yang terpenting bagi anak-anak adalah di sekolah khususnya di dalam bilik darjah. Di sini guru-guru mendidik,

mengasuh dan menjalankan pengajaran dan pembelajaran bagi memberi ilmu pengetahuan kepada pelajar. Pelbagai kaedah penyampaian juga boleh dilaksanakan oleh guru sesuai dengan keadaan, kehendak, umur pelajar, suasana, tahap kepintaran kanak-kanak dan lain-lain.

Manakala bagi Robiah (1993), pengurusan bilik darjah membolehkan guru memperoleh kemahiran untuk memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka iaitu dengan meningkatkan suasana pembelajaran para pelajar mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Pada dasarnya, terdapat tiga pernyataan masalah di dalam kajian ini iaitu berkaitan kaedah pengajaran guru, motivasi dan persekitaran bilik darjah.

Permasalahan pertama adalah guru-guru kurang mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran mereka mengikut keupayaan dan kebolehan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a). Guru-guru telah didedahkan dan dilatih dengan pelbagai kaedah pengajaran semasa menjalani latihan di institusi-institusi pendidikan atau melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), namun ramai guru kurang mempraktikkan strategi dan kaedah yang didedahkan ini di dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran mereka. Strategi yang diamalkan masih berpusatkan guru dan kaedah pengajaran tradisional seperti syarahan masih menjadi pegangan utama mereka.

Fenomena ini boleh memberi kesan negatif kepada pelajar seperti menimbulkan kebosanan, sifat terlalu bergantung kepada guru untuk mendapatkan

isi pelajaran, kurang bermotivasi, kurang berdiskusi dan sebagainya. Menurut Kamarudin dan Kamarul (1994), penggunaan kaedah pengajaran yang kurang sesuai akan menyebabkan kebosanan pelajar. Keadaan ini akan menimbulkan perasaan memberontak dalam diri pelajar dan boleh menimbulkan masalah pelanggaran disiplin di dalam bilik darjah.

Menurut Abdul Rahim (1999) pula, pencapaian pelajar dalam peperiksaan kini seringkali menjadi ukuran untuk menilai kualiti seseorang guru dan kebolehannya mengurus dan merancang kejayaan para pelajarnya menghadapi peperiksaan. Guru yang berjaya akan mendapat pujian daripada sekolah, para pelajar, ibu bapa dan masyarakat. Sebaliknya kegagalan pelajar sering dianggap sebagai berpunca dari kelemahan guru itu sendiri seperti tidak tahu mengajar dan sebagainya. Persepsi ini banyak mempengaruhi kaedah pengajaran guru di dalam bilik darjah. Sikap mereka akan lebih terdorong untuk hanya mementingkan kelulusan atau kejayaan para pelajarnya di dalam peperiksaan semata-mata.

Permasalahan kedua adalah sebahagian daripada guru kurang perihatin dengan aspek motivasi pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Maksud motivasi ini adalah dari segi keperluan pelajar (fisiologi dan psikologi), emosi dan motif. Menurut Maslow (1968 dalam Ee Ah Meng 2002), motivasi berkaitan dengan keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan sendiri dan sempurna sendiri. Seseorang guru yang mengabaikan aspek ini boleh menjejaskan tumpuan dan minat pelajar semasa berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya, sekiranya guru mengambilkira aspek tersebut ia mampu memberi motivasi dan menimbulkan minat pelajar terhadap pelajaran. Motivasi

adalah pendorong ke arah sesuatu sikap, tabiat dan tingkahlaku manusia iaitu sesuatu yang diinginkannya.

Menurut Kamarudin dan Kamarul (1994), pelajar yang kurang diberi peluang berehat misalnya akan menghadapi kesulitan menumpukan perhatian semasa berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka akan sering mengantuk dan tidak cergas menghadapi pelajaran. Masalah pelanggaran disiplin misalnya tidak menyiapkan tugas, mengusik kawan dan sebagainya juga sering muncul akibat keperluan fisiologi dan psikologi yang tidak dipenuhi ini. Justeru itu, semasa proses pengajaran, pemilihan sesuatu kaedah pengajaran sepatutnya sesuai dan dilaksanakan dengan cekap agar dapat memberi motivasi kepada pelajar.

Permasalahan ketiga pula, guru kurang mengambilkira atau kurang peka dengan persekitaran bilik darjah semasa berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana persekitaran bilik darjah yang baik dan selesa dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar dengan tekun. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), pelajar-pelajar hendaklah disediakan dengan bahan pendidikan dan persekitaran yang kondusif supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Semua pelajar hendaklah diberi tumpuan dan peluang melibatkan diri dalam aktiviti ketika proses pengajaran yang sedang dijalankan.

Keadaan fizikal bilik darjah yang kurang sesuai dan kurang selesa seperti susunan kerusi meja yang terlalu sesak, tidak teratur, cahaya yang tidak mencukupi, suasana yang panas, peredaran udara yang tidak lancar serta tempat yang kurang bersih akan menyebabkan pelajar-pelajar berasa gelisah dan boleh menimbulkan

masalah disiplin dan menjejaskan pengajaran dan pembelajaran (Kamarudin dan Kamarul, 1994).

Sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran misalnya, guru mesti memastikan bilik darjah dalam keadaan bersih, kemas dan kondusif agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan lancar dan berkesan. Ini termasuklah dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan tertentu, keselamatan peralatan, penyusunan perabot, keceriaan dan sebagainya. Kemudahan asas yang ada pula seharusnya boleh berfungsi dengan baik dan selamat. Sungguhpun begitu, terdapat guru yang kurang mengendahkan aspek-aspek tersebut. Apabila masuk ke dalam bilik darjah guru terus mengajar tanpa mengambil kira keadaan persekitaran bilik darjah seperti kedudukan kerusi meja pelajar, kebersihan bilik darjah secara keseluruhan dan sebagainya termasuk keadaan pelajar di dalam bilik darjah tersebut.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji pengurusan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Aspek yang ingin dikaji dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran ini adalah dari segi kaedah pengajaran guru yang paling dominan diamalkan menurut persepsi pelajar dan persekitaran bilik darjah. Pengkaji juga ingin mengenal pasti hubungan antara dua aspek tersebut dengan aspek motivasi pelajar.

Di samping itu juga, pengkaji juga ingin mengenal pasti tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam semasa peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) mengikut jantina kerana bagi pengkaji keputusan

peperiksaan tersebut mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan pengurusan pengajaran dan pembelajaran.

Terdapat beberapa kaedah pengajaran yang biasa diamalkan oleh guru seperti kaedah perbincangan, demonstrasi dan sebagainya. Motivasi pula berkaitan keperluan pelajar (fisiologi dan psikologi), emosi dan motif. Manakala persekitaran bilik darjah pula berkaitan dengan, suasana, peraturan-peraturan, susunan, kemudahan dan sebagainya. Justeru itu, pengkaji ingin mengenal pasti hubungan kaedah pengajaran guru yang dominan dan persekitaran bilik darjah ini dengan motivasi ini.

1.4.1 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan empat objektif seperti berikut:

- a. Mengetahui tahap pencapaian Pendidikan Islam berdasarkan keputusan peperiksaan PMR mengikut jantina.
- b. Mengetahui kaedah pengajaran Pendidikan Islam yang paling dominan diamalkan oleh guru di sekolah menengah menurut persepsi pelajar.
- c. Mengetahui hubungan antara kaedah pengajaran Pendidikan Islam yang dominan dengan motivasi pelajar.
- d. Mengetahui hubungan antara persekitaran bilik darjah dengan motivasi pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Berikut dinyatakan empat persoalan kajian bagi kajian ini, iaitu:

- a. Apakah tahap pencapaian bagi mata pelajaran Pendidikan Islam berdasarkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) mengikut jantina?
- b. Apakah kaedah pengajaran Pendidikan Islam yang paling dominan diamalkan oleh guru di sekolah menengah menurut persepsi pelajar?
- c. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran Pendidikan Islam yang paling dominan dengan motivasi pelajar?
- d. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran bilik darjah dengan motivasi pelajar?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis alternatif digunakan dalam menetapkan bentuk hipotesis kajian ini, iaitu:

H_{a1} : Terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran Pendidikan Islam yang paling dominan dengan motivasi pelajar.

H_{a2} : Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran bilik darjah dengan motivasi pelajar.

1.7 Definisi Operasional

Definisi mengikut pengkaji berdasarkan kajian ini adalah seperti berikut:

1.7.1 Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam kajian ini, pengurusan pengajaran dan pembelajaran bermaksud satu aktiviti mengurus proses pengajaran dan pembelajaran secara sistematik bagi mencapai

objektif pengajaran dan pembelajaran. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran ini hanya melibatkan kaedah pengajaran, persekitaran bilik darjah dan motivasi pelajar.

1.7.2 Kaedah Pengajaran

Dalam kajian ini, kaedah pengajaran bermaksud cara, tindakan atau langkah-langkah yang dilakukan oleh guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan antara guru dan pelajar di dalam bilik darjah. Kaedah pengajaran yang dimaksudkan adalah yang biasa diaplikasikan oleh guru-guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah iaitu kaedah amali, syarahan, simulasi, soal jawab, perbincangan, demonstrasi dan hafalan.

1.7.3 Persekitaran Bilik Darjah

Dalam kajian ini persekitaran bilik darjah bermaksud keadaan dan suasana di dalam bilik darjah semasa berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran bilik darjah ini juga melibatkan beberapa aspek lain seperti susunan peralatan atau perabot, peraturan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalam bilik darjah.

1.7.4 Motivasi

Dalam kajian ini, motivasi melibatkan jenis-jenis motivasi iaitu yang berasaskan keperluan (fisiologi dan psikologi), emosi dan motif yang sesuai diaplikasikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Tujuan motivasi ini adalah untuk menarik minat dan memberi dorongan kepada pelajar agar mereka

dapat belajar dengan selesa dan penuh keazaman bagi mencapai kejayaan di dalam pelajaran.

1.7.5 Pendidikan Islam

Dalam kajian ini, Pendidikan Islam bermaksud nama bagi satu mata pelajaran yang disusun khas oleh Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia. Sukatan Pelajaran bagi tingkatan tiga (untuk PMR) bagi sekolah menengah mengandungi enam bahagian, iaitu Tilawah al-Quran, al-Hadith, Aqidah, Ibadah, Sirah atau Tamadun Islam dan Akhlak Islamiyyah.

1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa kepentingan, iaitu kepentingan kepada guru Pendidikan Islam, pelajar, pentadbiran sekolah dan kepada pihak-pihak lain yang berkepentingan (*stake holders*).

Dalam konteks Pendidikan Islam, guru-guru agama hendaklah mempunyai pengetahuan dan kemahiran menguruskan pengajaran mereka dengan berkesan. Selain itu, aspek-aspek lain yang berkaitan seperti motivasi dan persekitaran bilik darjah hendaklah turut dititik beratkan. Kaedah pengajaran mereka hendaklah dipelbagaikan atau lebih fleksibel bagi meningkatkan keberkesanannya seiring dengan zaman yang serba moden ini. Penggunaan teknologi moden seperti komputer sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) misalnya, mampu membantu guru Pendidikan Islam mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan lebih menarik dan berkesan. Sekiranya dapatan kajian menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran dengan motivasi, maka guru-guru Pendidikan